

**UNIMAS**

*Kontemporari Dan Berpandangan Jauh*

**JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA**

Universiti Malaysia Sarawak mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Pemohon dipelawa untuk mengisi jawatan tersebut secara **TETAP**.

**Syarat-syarat Permohonan:**

- Warganegara Malaysia; **dan**
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

**(a) Pegawai Tadbir, Gred N41 (3 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(b) Pegawai Belia dan Sukan, Gred S41 (1 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai sijil kejurulatihan atau sijil kepegawaian atau sijil yang diiktiraf oleh badan-badan sukan yang berkaitan)

**(c) Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41 (1 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.



- (d) Pegawai Perubatan, Gred UD43/UD47/UD51/UD53 (1 kekosongan)**  
Pemohon perlu mempunyai Ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;  
**ATAU**  
Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia;  
**DAN**  
Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**DAN**  
Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.
- (e) Pegawai Undang-Undang, Gred L41 (1 kekosongan)**  
Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**ATAU**  
Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*)  
**DAN**  
Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (f) Jururawat, Gred U29 (2 kekosongan)**  
Pemohon perlu mempunyai Diploma dalam bidang Kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.  
**DAN**  
Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (g) Penolong Juruukur Bahan, Gred JA29 (1 kekosongan)**  
Pemohon perlu mempunyai Sijil dalam bidang Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**ATAU**  
Diploma dalam bidang Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**DAN**  
Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (h) Penolong Akauntan, Gred W29 (1 kekosongan)**  
Pemohon perlu mempunyai Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**ATAU**  
*Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**ATAU**  
Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan, Perbankan atau Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**ATAU**  
*Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**DAN**  
Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (i) Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Gred FA29 (2 kekosongan)**  
Pemohon perlu mempunyai Sijil dalam bidang Teknologi Maklumat atau Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**ATAU**

Sijil dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Diploma dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(j) Penolong Pegawai Belia dan Sukan, Gred S29 (1 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(k) Setiausaha Pejabat, Gred N29 (1 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(l) Artis Budaya, Gred B19/B21 (2 kekosongan)**

➤ Kelayakan Lantikan ke Gred B19

1 (i) Pemohon perlu mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**ATAU**

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

(v) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(ii), 1(iii), 1(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

➤ Lantikan Terus ke Gred B21

2 Memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1;

**DAN**

3 (i) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan:

**DAN/ATAU**

(ii) Memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**(m) Pembantu Keselamatan, Gred KP19 (2 kekosongan)**

1 Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

2 Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

**ATAU**

3 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

4 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

5 Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79cm ukuran dada yang biasa dan 84cm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

6 Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1, 3 atau 4 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(n) Pembantu Belia dan Sukan, Gred S19 (1 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(o) Pembantu Pustakawan, Gred S19 (1 kekosongan) - (Penempatan di Pusat Latihan Sibul)**

Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(p) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19 (2 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**ATAU**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(q) Pembantu Awam, Gred H11 (2 kekosongan)**

Pemohon perlu mempunyai Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(r) Pemandu Kenderaan, Gred H11 (1 kekosongan) – (Penempatan di Pusat Latihan Sibru)**

(i) Pemohon perlu mempunyai Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]

**DAN**

(iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

**DAN**

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(s) Pengawal Keselamatan, Gred KP11 (4 kekosongan)**

1 Pemohon perlu mempunyai Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**ATAU**

2 Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

**DAN**

3 Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) Mempunyai Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79cm ukuran dada yang biasa dan 84cm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

4 Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Jadual Gaji Minimum – Maksimum:**

<b>Gred</b>	<b>Min (RM)</b>	<b>Mak (RM)</b>	<b>KGT</b>
F41	2,315.00	9,618.00	225.00
L41	2,418.00	9,607.00	225.00
N41	2,080.00	9,546.00	225.00
S41	2,078.00	9,544.00	225.00
UD53	6,182.00	13,256.00	320.00
UD51	5,860.00	12,449.00	290.00
UD47	5,211.00	11,769.00	270.00
UD43	3,611.00	10,560.00	250.00
FA29	1,549.00	5,684.00	145.00
JA29	1,549.00	5,701.00	145.00
N29	1,493.00	5,672.00	145.00
S29	1,493.00	5,672.00	145.00
U29	1,797.00	5,753.00	145.00
W29	1,498.00	5,678.00	145.00
B21	2,047.00	4,747.00	115.00
B19	1,360.00	4,032.00	100.00
KP19	1,360.00	4,052.00	100.00
N19	1,352.00	4,003.00	100.00
S19	1,352.00	4,003.00	100.00
H11	1,218.00	2,939.00	80.00
KP11	1,205.00	2,939.00	80.00

Nota: KGT - Kenaikan Gaji Tahunan

**Prosedur Permohonan:**

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang dapat dicapai melalui URL berikut <http://ehcm.unimas.my/eRecruitUNIMAS>

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

**Tempoh Permohonan: 21 September 2017 hingga 4 Oktober 2017**

**Makluman Ujian Tapisan dan/atau Temuduga:**

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

**Nota: Pemohon Tidak Perlu Menghantar Dokumen Sehingga Dipanggil Untuk Menghadiri Ujian Tapisan/Temuduga (Disenarai Pendek)**

**Prosedur Penghantaran Dokumen Bagi Permohonan Yang Telah Disenarai Pendek:**

- (1) Calon yang telah disenarai pendek dikehendaki menghantar **(satu (1) salinan)** borang permohonan (eRecruitUNIMAS) yang dicetak dan gambar berukuran pasport beserta **(satu (1) set)** salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
  - (a) Kad Pengenalan
  - (b) Sijil Kelahiran
  - (c) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip (PMR/SRP/setaraf, SPM/setaraf, STPM/Setaraf, Diploma, Ijazah Sarjana Muda)
  - (d) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan
  - (e) Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan-Badan Berkanun/Kuasa-kuasa tempatan hendaklah memajukan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap.
- (2) Dokumen permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah dengan kadar **SEGERA** atau semasa menghadiri ujian tapisan (jika ada).

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak

**94300 KOTA SAMARAHAN**

**(u/p : Unit Perjawatan & Pembangunan Organisasi)**

Tel : 082-581000 Fax : 082-581095

- (3) Permohonan akan **DITOLAK** dan senarai pendek calon boleh **DIBATALKAN** sekiranya pemohon gagal mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti di atas, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan, permohonan lewat diterima dan gambar tidak seperti yang ditetapkan (gambar *scan* tidak dibenarkan).
- (4) Pemohon yang tidak menerima maklumbalas selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.